BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Februari 2022

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana kepada 2.2% pada bulan Februari

Sumbangan kepada Inflasi



¹ Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia*

- Inflasi keseluruhan menjadi sederhana kepada 2.2% pada bulan Februari (Jan: 2.3%), mencerminkan terutamanya inflasi yang lebih rendah dalam segmen *pengangkutan* (Feb: 3.9%; Jan: 6.0%)
- Inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras adalah lebih tinggi, iaitu pada 1.8% pada bulan Februari (Jan: 1.6%), didorong terutamanya oleh makanan di luar rumah dan sewaan.

Pertumbuhan eksport kekal kukuh pada bulan Februari

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport meningkat sebanyak 16.8% (Jan: 23.9%), mencerminkan produk eksport Malaysia yang terus kukuh.
- Pada masa hadapan, prestasi eksport akan terus mendapat manfaat daripada pengembangan permintaan luaran dan peningkatan kitaran teknologi global. Selain itu, harga komoditi yang tinggi akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan eksport.
- Walau bagaimanapun, prospek perdagangan masih bergantung pada perkembangan pandemik, gangguan rantaian bekalan global serta risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan global berikutan konflik ketenteraan di Ukraine.

Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada bulan Februari

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih¹ dan Pertumbuhan Pinjaman Terkumpul



¹ Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada 4.8% apabila pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat (Feb: 5.2%; Jan: 5.0%) manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul stabil pada 4.7%.
- Pinjaman isi rumah terkumpul terus berkembang pada 4.7%, mencerminkan pertumbuhan yang secara amnya mampan merentas kebanyakan tujuan.
- Bagi sektor perniagaan, pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat (Feb: 5.5%; Jan: 5.3%) berikutan pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada PKS dan pertumbuhan yang mampan dalam pinjaman modal kerja (Feb: 8.3%, Jan: 8.2%; purata 2017-2019: 4.3%).
- Pertumbuhan jumlah pengeluaran pinjaman menjadi sederhana pada bulan Februari tetapi kekal tinggi (Feb: 12.3%; Jan: 21.5%; purata 2017-2019: 5.0%) apabila pertumbuhan pengeluaran pinjaman bagi perniagaan terus meningkat.

Sorotan Bulanan
Februari 2022

Pasaran kewangan domestik teratur dalam keadaan konflik geopolitik yang berterusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Februari, konflik ketenteraan di Ukraine telah menjejaskan pasaran kewangan global, menyebabkan volatiliti meningkat. Walau bagaimanapun, limpahan kepada pasaran kewangan domestik dan keadaan kewangan yang lebih meluas dapat dibendung, mencerminkan sentimen pelabur yang positif, memandangkan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport komoditi bersih dalam keadaan harga komoditi global yang lebih tinggi.
- Pasaran ekuiti domestik telah meningkat, didorong oleh sektor perladangan. FBM KLCI meningkat sebanyak 6.3% kepada 1,608 mata pada akhir bulan Februari.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 0.6 mata asas manakala ringgit menyusut nilai sebanyak 0.3%.

Bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mengekalkan kedudukan mudah tunai yang utuh dengan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai kekal kukuh pada 151.3%.
- Profil pendanaan bank-bank kekal stabil disokong oleh pertumbuhan deposit yang mampan.
- Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) berada pada 116.4% pada bulan Disember 2021.

Kualiti aset bank kekal mantap



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih masing-masing kekal rendah pada 1.5% dan 0.9%.
- Bank-bank terus berhemat dalam peruntukan pinjaman untuk menjadi penampan terhadap potensi kerugian kredit, dengan jumlah peruntukan dan rizab pengawalseliaan berjumlah hingga RM41.1 bilion (Jan-22: RM40.8 bilion).
- Jumlah peruntukan berada pada 1.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.